

**SIDANG MEDIA**  
**Pelancaran Video Pendidikan Seks melalui Youtube**  
**Tarikh : 24 Jun 2019 (Isnin)**

**Talking Point**

**Assalamualaikum dan Salam Sejahtera**

1. Seperti mana kita semua sedia maklum, saban hari kita mendengar pelbagai jenis isu atau berita mengenai kanak-kanak.  
Antaranya adalah kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak.
2. Mengikut Akta Kanak-Kanak 2001, takrifan jenayah seksual merujuk kepada seksyen 17(2) (c) menyatakan bahawa kanak-kanak teraniaya dari segi seks jika dia telah mengambil bahagian, sama ada sebagai peserta atau pemerhati, dalam apa-apa aktiviti yang berunsur seks bagi maksud, apa-apa bahan, fotograf, rakaman, filem, pita video atau persembahan yang berunsur pornografi, lucah atau sumbang; atau eksplotasi seks orang itu atau orang lain.
3. Hukuman yang boleh dikenakan adalah mengikut seksyen 31- (Penganiayaan, Pengabaian, Pembuangan Atau Pendedahan Kanak-Kanak), Denda tidak melebihi RM50 ribu atau penjara tidak lebih 20 tahun, atau kedua-duanya atau mandatori perintah khidmat masyarakat.
4. Pada hari ini, Kementerian sekali lagi mengambil langkah proaktif bagi menangani masalah ini dengan melancarkan beberapa buah video mengenai Pendidikan Seks bagi kanak-kanak melalui medium digital Youtube.
5. Ini kerana, setiap hari ribuan kanak-kanak akan melayari Youtube bagi menonton video-video kegemaran mereka seperti siaran video lagu kanak-kanak, mengenali huruf dan warna, siri kartun dan sebagainya.
6. Kebanyakkannya ibu bapa membenarkan anak-anak mereka melayari Youtube bukan untuk tujuan hiburan semata-mata, malah ianya turut menjadi sumber pendidikan interaktif bagi anak-anak mereka.

Namun demikian, ibu bapa seharusnya memantau tempoh *screen time* anak-anak ini dan Kementerian mencadangkan sebaik-baiknya, ***no screen time atau, akses terhad kepada internet sehingga kanak-kanak berumur 2 tahun.***

7. KPWKM mengambil langkah kreatif untuk menyampaikan dan menyebar luas video pendidikan seks (*safe touch dan bad touch*) ini kepada semua kanak-kanak agar ia mencapai matlamat Kementerian ini bagi mengurangkan kes jenayah seksual kanak-kanak di Malaysia.
8. Program intervensi sedia ada yang fokus kepada kumpulan sasar akan tetap diteruskan dan ditambah baik.

Pendekatan kreatif melalui video Youtube ini adalah untuk memastikan mesej ini dapat disampaikan dengan lebih meluas melangkaui lingkungan kumpulan sasar Kementerian.

9. Kanak-Kanak perlu mengetahui dan perlu diajar apa itu *safe touch* dan *bad touch* seawal mungkin.

Pengetahuan dan kesedaran yang disampaikan melalui video ini merupakan perkara asas yang kanak-kanak perlu tahu untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa dan membantu mereka mengenal pasti tingkah laku mencurigakan yang sepatutnya dilaporkan.

Kami mensasarkan video ini akan ditonton oleh 150 000 kanak-kanak.

Lebih-lebih lagi setelah mengambil kira kemungkinan pelaku kesalahan seksual adalah dikalangan ahli keluarga atau kenalan yang dikenali rapat, kita amat berharap kanak-kanak akan dapat mengenal pasti sebarang petanda atau tingkah laku yang mencurigakan seawal mungkin dan melaporkannya segera.

10. Talian Kasih 15999 dan Talian Kecemasan 999 adalah talian yang disediakan oleh Kerajaan bagi membantu ibu bapa dan masyarakat membuat laporan.

Pihak berwajib akan sentiada membantu di mana sahaja anda berada.

Pastikan anda melaporkan sebarang kejadian berkaitan kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak melalui talian yang disediakan ini.

Sekian terima kasih.